

MPC (PCD) 600-1/3/3

15 Januari 2020

Dr Izhar Che Mee
16 Jalan Kemboja 5
Bukit Beruntung
48300 Rawang
Selangor Darul Ehsan

YBrs. Dr.,

PELANTIKAN SEBAGAI PENCERAMAH BAGI PROGRAM KHIDMAT NASIHAT MALAYSIA MUDAH (MYMUDAH) DAN *BEHAVIOURAL INSIGHT* BERSAMA KEMENTERIAN DAN AGENSI


Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 20 Julai 2020 telah memberi mandat kepada MPC untuk melaksanakan program Malaysia Mudah (#MyMudah) yang bertujuan untuk mengurangkan beban peraturan yang menghalang kemajuan ekonomi negara.
3. MPC juga telah diamanahkan untuk melaksanakan projek Behavioural Insights (BI) yang merupakan salah satu kaedah penambahbaikan yang inovatif bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan intervensi kerajaan dalam memastikan kadar pematuhan kepada peraturan berada di tahap yang tinggi.
4. Sehubungan itu, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) merancang untuk mengadakan mesyuarat bersama kementerian dan agensi terpilih bagi membincangkan pelaksanaan program-program MyMudah dan BI. Cadangan mesyuarat adalah seperti seperti di Lampiran 1. Kadar bayaran yang dpersetujui adalah RM 300 sejam.
5. Mohon kerjasama daripada pihak YBrs. Dr., untuk memberi maklumbalas penerimaan jemputan ini dengan melengkapkan maklumat di borang setuju terima. Sebarang pertanyaan boleh terus hubungi Pn. Hanisah Mohd Ramli di talian 012-6554909.

Sekian, terima kasih.

"MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



.....
(SAWIAH ABDUL SAMAD)
Penolong Pengarah
Seksyen Daya Saing Nasional
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

LAMPIRAN 1

JADUAL PROGRAM MALAYSIA MUDAH (MYMUDAH) DAN *BEHAVIOURAL INSIGHT* BERSAMA KEMENTERIAN DAN AGENSI

Bil.	Tarikh	Sesi Program	Kadar Bayaran
1.	19 Januari 2021 (TBC) 3.00 ptg – 4.30 ptg (1.5 jam)	Kementerian Perlindungan dan Komoditi (MPIC) serta Agensi	RM 300 x 1.5 jam = RM 450
2.	20 Januari 2021 (TBC) 2.30 ptg – 4.00 ptg (1.5 jam)	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta Agensi	RM 300 x 1.5 jam = RM 450
3.	21 Januari 2021 (TBC) 4.00 ptg – 5.30 ptg (1.5 jam)	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) serta Agensi	RM 300 x 1.5 jam = RM 450

Nota : Tarikh di atas tertakluk kepada perubahan